

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR WAN AZIZAH BIN WAN
ISMAIL [PERMATANG PAUH]**

SOALAN : 257

Dato' Seri Dr Wan Azizah Bin Wan Ismail [Permatang Pauh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tindakan Kerajaan terhadap penyelewengan dan ketirisan di dalam setiap Kementerian, Agensi Kerajaan dan badan berkanun seperti yang dibangkitkan dalam buku-buku Laporan Ketua Audit Negara 2016 serta adakah terdapat sebarang tindakan susulan terhadap laporan yang dilaporkan.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Permatang Pauh, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) turut meneliti isu-isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara. Sekiranya terdapat unsur-unsur kesalahan di bawah Akta SPRM 2009, tindakan yang boleh diambil adalah dengan membuka Kertas Siasatan bagi

mbolehkan suatu tindakan siasatan dijalankan oleh SPRM. Apabila hasil siasatan mendapati terdapat keterangan untuk membuktikan kesalahan di bawah Akta SPRM 2009, syor pendakwaan akan dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara. Selain daripada itu, sekiranya didapati wujud kelemahan sistem dan prosedur kerja yang menyebabkan adanya 'ruang dan peluang' penyelewengan dan ketirisan tersebut, Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan SPRM akan mengenalpasti punca kelemahan tersebut dan mencadangkan langkah-langkah penambahbaikan yang bersesuaian kepada Kementerian, Agensi Kerajaan dan badan berkanun yang terbabit.

Jika hasil siasatan SPRM mendapati wujud pelanggaran tata tertib di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan & Tata tertib) 1993 oleh mana-mana pegawai awam berkaitan isu penyelewengan dan ketirisan itu, maka SPRM akan mengemukakan laporan mengenainya bagi mengesyorkan supaya Kementerian dan Agensi Kerajaan terbabit melaksanakan tindakan di bawah Peraturan berkenaan.

Unit Integriti pula akan bekerjasama dengan Unit Audit Dalam di Kementerian dan Agensi Kerajaan dalam menangani isu penyelewengan serta ketirisan yang dibangkitkan itu berdasarkan kepada enam fungsi terasnya [tadbir urus, pengukuhan integriti, pengesanan dan pengesahan, pengurusan aduan, pematuhan dan tata tertib] serta seterusnya memastikan langkah-langkah susulan yang bersesuaian diambil oleh Kementerian dan Agensi Kerajaan berkenaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YB DATIN SERI DR. WAN AZIZAH
BIN WAN ISMAIL
[PERMATANG PAUH]

SOALAN :

YB DATIN SERI DR. WAN AZIZAH BIN WAN ISMAIL [PERMATANG PAUH] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kadar terkini pengangguran di kalangan anak muda mengikut pecahan pendidikan rendah, menengah dan tinggi dan pecahan mengikut kumpulan umur serta negeri.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Perangkaan Malaysia melaksanakan Penyiasatan Tenaga Buruh (PTB) bagi mendapatkan anggaran tenaga buruh, guna tenaga dan pengangguran. PTB ialah kajian sampel berkebarangkalian yang dilaksanakan melalui pendekatan isi rumah mengikut piawaian yang ditetapkan oleh badan antarabangsa iaitu *International Labour Organization* (ILO).

Kejayaan ekonomi kita menyediakan peluang pekerjaan menyebabkan kadar pengangguran kekal rendah iaitu di bawah 4%. Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan kadar penyertaan tenaga buruh sehingga suku tahun keempat 2016 adalah 67.6% dan kadar pengangguran berada pada kadar 3.5%.

Kadar pengangguran bagi negara ini adalah stabil antara 3.1% hingga 3.7% semenjak tahun 1990an. Negara dianggap telah mencapai guna tenaga penuh sekiranya kadar pengangguran adalah 4% dan kurang

yang mana selari dengan definisi *Organisation for Economic Co-operation and Development* (OECD).

Sekian, terima kasih.

Mac 2017